



02 JAN, 2025

Cahaya lampu tiang menara TNB jadi tarikan baharu

Sinar Harian, Malaysia



Cahaya lampu tiang menara TNB jadi tarikan baharu

GEORGE TOWN - Pancaran lampu di tiang menara milik Tenaga Nasional Berhad (TNB) bersebelahan Jambatan Pulau Pinang kini menjadi mercu tanda serta tarikan pelancongan baharu di negeri ini.

Cahaya lampu beraneka warna itu mula dipancarkan tepat jam 12 tengah malam Rabu sekali gus memeriahkan lagi sambutan tahun baharu di sini.

Kombinasi neon berwarna biru, kuning dan putih yang simbolik dengan bendera Pulau Pinang antara 200 warna yang dipancarkan pada 31 tiang menara sepanjang projek berkenaan.

Difahamkan, pancaran lampu di tiang menara TNB itu akan dipasang setiap malam bermula Rabu di sepanjang 8.5 kilometer (KM) projek jajaran yang menghubungkan pencawang masuk utama Stesen Jana kuasa (SJ) Perai ke pencawang masuk utama *The Light* di sebelah pulau.

Projek yang dibangunkan sejak 2022 itu dilaksanakan bagi memastikan kapasiti sistem bekalan sedia ada tidak terjejas apabila satu-satunya stesen jana kuasa di pulau iaitu SJ Gelugor dengan kapasiti penjanaan 300 megawatt (MW), dijadualkan tamat kontrak perkhidmatan pada akhir 2024.

Projek yang menelan belanja kira-kira RM500 juta itu juga dibangunkan bagi memastikan permintaan tenaga sentiasa terjamin dan mampan bagi memenuhi keperluan pembangunan masa depan di Pulau Pinang terutama ke bahagian pulau.

Sebanyak 31 tiang menara termasuk enam tiang dengan reka bentuk buah pinang telah dibina sepanjang jajaran berkenaan.



Pancaran lampu di tiang menara TNB akan dipasang setiap hari bermula 1 Januari.